



Nasionalisme: Dari Kebangsaan Melayu Kepada Kebangsaan Malaysia

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Persoalan nasionalisme sering dikaitkan dengan pembentukan idea di Eropah. Bagi saya secara peribadi, penulisan yang mengetengahkan perspektif ini adalah terlalu tipikal, cliché, dan membosankan. Contohnya Kissinger yang menyatakan bahawa batu asas kepada konsep menghormati sempadan negara, menghormati kedaulatan negara dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara lain adalah hasil dari triti-triti *Peace of Westphalia*.¹ Seolah-olah hanya orang-orang Barat sahaja yang memonopoli idea-idea moden. Manakala bangsa lain hanya menjadi pak turut yang mengikuti jejak mereka. Pemikiran seperti ini menafikan peranan dan agensi bangsa-bangsa lain. Pemikiran seperti ini juga bersifat Eurosentrik di mana perbincangan sering dilihat dari kaca mata Barat.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, terdapat seruan agar sejarah ditulis dari kaca mata peribumi, bukan lagi dari perspektif dek-dek kapal penjajah Eropah. Antara suara yang mengetengahkan seruan ini adalah Tregonning pada tahun 1958 yang menyatakan bahawa sejarah Asia perlu bertemakan Asia.² Manakala perspektif Eropah sebenarnya adalah perspektif luaran yang bukan utama dan tidak perlu diutamakan. Saya kira seruan seperti ini merupakan satu perkembangan yang positif. Dengan mengangkat dan mengembangkan perspektif tempatan, kita dapat melihat sebenarnya bahawa sesuatu idea itu boleh wujud tanpa perlu bergantung kepada kuasa dan pengaruh kolonial Barat.

Idea-idea nasionalisme sebenarnya boleh ditinjau dari sumber selain dari sumber Barat. Misalnya, tulisan oleh Nur Masalha yang menulis perihal sejarah Palestin, beliau membahagikan konsep kebangsaan kepada dua lapisan. Lapisan pertama adalah *qawmiyyah*, iaitu nasionalisme yang berdasarkan bangsa, etnik, atau kaum. Lapisan yang ke dua adalah *wataniyyah*, iaitu nasionalisme berdasarkan sempadan geografi sesebuah negara.³ Jika dilihat dalam konteks Tanah Melayu dan Malaysia, kita melihat bahawa kedua-dua lapisan ini wujud. Nasionalisme bersifat *qawmiyyah* itu boleh dikatakan wujud tanpa banyak perubahan sejak dari Kesultanan Melayu Melaka lagi. Manakala sifat *wataniyyah* itu berubah-ubah, dari konsep Melayu Raya, Nusantara, Mafilindo, dan akhirnya dalam bentuk negara Malaysia.

Penulisan kali ini ingin membahaskan persoalan nasionalisme Melayu dan juga perkembangannya ke arah penubuhan idea kebangsaan Malaysia dari penulisan pemikir tempatan iaitu Rustam A. Sani dalam bukunya yang bertajuk *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*⁴

Definisi Nasionalisme Melayu

Rustam Sani telah memberikan satu definisi spesifik berkenaan dengan apa yang beliau maksudkan berkenaan dengan nasionalisme Melayu. Secara ringkas, definisi yang beliau ketengahkan adalah satu ideologi yang diperjuangkan untuk membina sebuah negara-bangsa, dalam konteks ini adalah penubuhan sebuah negara Melayu. Terma 'negara-bangsa' menurut Rustam adalah satu terma abstrak yang cuba

¹ Henry Kissinger. *World Order: Reflections on the Character of Nations and the Course of History*. Penguin Publishing Group, 2015.

² Qasim Ahmad, 'Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula', dalam *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia: Esei Sumbangsih Kepada Dr. Cheah Boon Kheng*, disunting oleh Mahani Musa dan Tan Liok Ee (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000), hlm. 23-40.

³ Nur Masalha. *Palestine: A Four Thousand Year History*. Zed Books, 2020, hlm. 212-213.

⁴ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?* (Kuala Lumpur: R Publishing Services, 2004).

membina idea kerakyatan berdasarkan sebuah identiti. Asas identiti ini penting bagi mewujudkan satu perasaan kebersamaan dan kesetiaan, ia boleh dibina berdasarkan pelbagai sumber identiti seperti etnik, bangsa, bahasa, agama, keturunan, atau perkongsian sejarah.⁵ Namun saya merasakan definisi nasionalisme Melayu itu boleh dikembangkan lagi, tidak semestinya ia perlu akan sebuah visi untuk menubuhkan satu negara Melayu. Semangat nasionalisme boleh wujud tanpa adanya usaha untuk mewujudkan negara. Boleh jadi, nasionalisme itu wujud dalam satu bangsa untuk mempertahankan kewujudan mereka dari dikuasai oleh satu bangsa asing. Atau keinginan untuk menjaga kelangsungan bangsa dan budaya mereka. Semua ini boleh dikatakan sebagai nasionalisme tanpa perlunya perjuangan untuk menubuhkan satu negara-bangsa.

1930-an Tahun Permulaan Nasionalisme Melayu

Menurut Rustam, persoalan, idea, dan konsep nasionalisme Melayu ini tidak dikaji dengan mendalam. Oleh itu, biasanya, nasionalisme Melayu ditulis sebagai satu konsep yang umum dan mencakupi setiap aspek pergerakan orang Melayu. Segala bentuk kegiatan anti-penjajah sebelum merdeka dan kegiatan mempertahankan watan, akan diklasifikasikan sebagai aktiviti nasionalisme Melayu. Rustam meletakkan permulaan gerakan nasionalisme Melayu di tahun 1930-an, apabila pentadbiran kolonial mula stabil dan juga imigran luar mula menetap di Tanah Melayu secara kekal. Pada masa ini wujud dua bentuk inteligensia dalam kalangan orang Melayu, pertama mereka yang bekerja dalam pentadbiran kolonial British. Kedua adalah mereka di luar pentadbiran kolonial yang membawa impian pembentukan Melayu Raya. Dua aliran ini sering disebut sebagai aliran kanan dan aliran kiri, namun bagi Rustam, perbahasan dualistik seperti ini tidak mencukupi dalam memberi makna sebenar terhadap gerakan yang ada pada tahun 1930-an itu.⁶ Tahun tiga puluhan juga menyaksikan masyarakat majmuk telah terbentuk sepenuhnya di Tanah Melayu.⁷

Perkembangan awal nasionalisme Melayu menurut Rustam berkait rapat dengan sejarah kolonial yang dihadapi oleh orang Melayu. Di mana mereka dibiarkan mundur berbanding etnik-etnik pendatang lain yang dibawa masuk ke tanah air mereka. Walaubagaimanapun, pada peringkat awal, sifat nasionalisme orang Melayu tidak ketara sifat anti-kolonialnya. Terutamanya dalam penentangan menentangan pentadbiran pada ketika itu. Hal ini kerana, mereka melihat kuasa yang memerintah masih dipegang oleh para sultan Melayu, sementara British hanya berperanan sebagai penasihat. Oleh itu, penentangan terbuka akan dilihat sebagai satu penderhakaan. Orang Melayu pada tahun 1930-an juga masih belum melihat Malaya sebagai sebuah negara, malah istilah Malaya sering dikaitkan dengan kelompok imigran. Sudut pandang politik orang Melayu pada ketika itu masih bersifat kenegerian. Di mana, kesetiaan mereka masih berpusat kepada sultan di setiap negeri.⁸

Pada tahun 1930-an juga, pemerintahan para sultan Melayu dan pentadbir kolonial dilihat masih bersifat pro-Melayu, oleh itu ia tidak menerima penentangan yang jelas. Selain itu, walaupun pentadbiran bersifat kolonial pada ketika itu, British telah mengambil ramai orang-orang Melayu untuk berkhidmat dalam pentadbiran di peringkat pertengahan dan di peringkat bawahan. Semua ini membuatkan pentadbiran British tidak kelihatan sebagai satu cabaran buat politik orang Melayu, malah seperti yang sudah dikatakan, melawan pentadbiran dilihat sebagai satu aksi penderhakaan.⁹

Apabila pemerintahan British mula menghilangkan aspek kenegerian dan sistem pemerintahan dipusatkan di Kuala Lumpur, ini menyebabkan raja-raja Melayu mula menyatakan rasa tidak senang mereka. Pemusatan kuasa ini dilihat sebagai satu penghakisan terhadap kuasa politik orang Melayu serta kewibawaan sultan di negeri mereka. Maka British melalui Sir Lawrence Guillemard dan Sir Cecil Clementi telah melaksanakan dasar desentralisasi dari tahun 1927 hingga tahun 1934 untuk memulangkan kuasa kepada setiap negeri dan mengelakkan pemberontakan dan penentangan.

⁵ *Ibid.*, hlm. 1.

⁶ *Ibid.*, hlm vii-ix.

⁷ *Ibid.*, hlm 15.

⁸ *Ibid.*, hlm 3.

⁹ *Ibid.*, hlm 20-21.

Penerusan pentadbiran kolonial di Tanah Melayu juga telah mengubah demografi setempat dengan begitu ketara. Laporan banci pada tahun 1921-1931 menunjukkan orang Melayu sudah menjadi golongan minoriti di negeri mereka sendiri, hal ini menjadi satu kebimbangan buat masyarakat peribumi dan juga pemerintah kolonial British.¹⁰ Kemasukan imigran sebagai buruh dilihat sebagai faktor yang lebih dominan dalam membangkitkan unsur nasionalisme Melayu pada tahun 1930-an berbanding perasaan tidak berpuas hati kepada pemerintahan sedia ada. Maka boleh dikatakan bahawa nasionalisme Melayu pada tahap ini adalah sebuah reaksi kepada kemasukan buruh imigran ke Tanah Melayu. Tahun-tahun ini juga memperlihatkan bahawa buruh-buruh yang masuk ke Tanah Melayu dari China mula menganggap diri mereka sebagai penduduk tetap. Kebanyakan dari mereka yang berpendidikan Inggeris mula membuat tuntutan untuk mendapatkan hak istimewa yang sama seperti orang Melayu, perkara ini merupakan satu perkara yang sangat sensitif buat orang Melayu. Reaksi orang Melayu terhadap perkara ini sangat hebat dan dapat dilihat dalam penulisan mereka dalam akhbar-akhbar milik mereka.¹¹ Pada peringkat awal juga boleh dikatakan nasionalisme Melayu itu muncul dari perasaan mereka yang merasakan bahawa kelangsungan kewujudan mereka terancam.¹² Inilah faktor awal yang membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu, semangat ini dapat dilihat melalui penulisan-penulisan mereka pada ketika itu.

Penulisan akhbar dan persuratan merupakan satu elemen yang menarik untuk diperhatikan dalam menganalisa kemunculan nasionalisme Melayu. Walaupun tidak kelihatan penentangan yang kuat pada pihak pentadbiran, nasionalisme Melayu ini terjelma dalam aktiviti persuratan. Menurut Rustam, antara tahun 1876 hingga 1941, tidak kurang dari 147 surat khabar diterbitkan di Tanah Melayu.¹³ Sebahagiannya digerakkan oleh golongan intelektual yang dididik di Asia Barat dan terdedah dengan idea pembaharuan Islam. Golongan ini menggunakan akhbar bagi menyebarkan kefahaman sosial bagi menghadapi cabaran ekonomi dan sosial hasil dari polisi-polisi kolonial.

Dengan berkembangnya akhbar-akhbar Melayu, orang Melayu juga pada ketika itu terpengaruh dengan berita-berita perihal kemunculan negara-negara baharu. Pembentukan banyak negara-negara baharu di Asia dan Afrika pada ketika itu telah menimbulkan satu kesedaran politik baharu dalam kalangan orang Melayu.¹⁴ Orang Melayu melihat bagaimana bangsa lain akhirnya berjaya melepaskan diri dari cengkaman kolonialisme, dan mereka sedar akan keperluan untuk mereka turut bersama memerdekakan diri.

Penelitian Kepada Struktur Awal Politik Orang Melayu

Menurut Rustam, dalam kita menganalisa perubahan politik di Malaysia, kita terlebih dahulu perlu memahami akar sejarah yang membentuk perubahan ini. Memahami proses sejarah ini penting dalam kita memahami politik orang Melayu. Antara proses yang perlu dilihat adalah pertembungan antara sistem politik tradisional dan sistem politik kolonial. Selain itu, reaksi kaum peribumi terhadap pemerintahan kolonial turut wajar diperhatikan kerana ia mempunyai kesan yang boleh dilihat hingga ke hari ini.¹⁵

Sistem politik tradisional orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua strata menurut Rustam, iaitu strata pemerintah dan strata golongan rakyat. Strata ini boleh dilihat di kawasan kampung di mana kebiasaannya ia didirikan di pinggir sungai. Dari segi agihan kuasa politik, kuasa tertumpu pada pihak pemerintah dan dilihat sebagai hak penuh mereka. Sistem tradisional ini dilihat berbentuk *homogeneous*, namun apabila ia bertembung dengan sistem kolonial, kesan ketara yang boleh dilihat adalah terbentuknya satu masyarakat majmuk. Rustam memerhatikan perubahan masyarakat Melayu dari masyarakat petani kepada masyarakat moden tidak sama dengan perubahan di negara-negara lain. Perubahan di negara lain kebiasaannya akan melahirkan satu kelas peribumi baharu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dan bersifat kapitalis. Kelas

¹⁰ *Ibid.*, hlm 18-19.

¹¹ *Ibid.*, hlm 22-23.

¹² *Ibid.*, hlm 131.

¹³ *Ibid.*, hlm 33.

¹⁴ *Ibid.*, hlm 51.

¹⁵ *Ibid.*, hlm 29.

peribumi baharu ini akan menjadi kelas elit yang kemudiannya menjadi sumber kepada bentuk politik baharu di negara tersebut. Namun situasi ini tidak terbentuk di kalangan orang Melayu pada peringkat awal.¹⁶

Perubahan sistem politik orang Melayu dapat difahami dengan menganalisa perubahan kelas pemerintahan dalam kalangan orang Melayu. Selepas kemasukan kuasa kolonial bermula 1874, mula muncul golongan yang dipanggil sebagai administokrat dalam kalangan orang Melayu, mereka ini terlibat dalam pentadbiran yang disusun oleh kaum kolonial. Selepas merdeka pada tahun 1957, kita melihat kelas pemerintahan Melayu mula kelihatan bersifat birokrat, manakala selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas 1969, birokrat ini dilihat cenderung menjadi birokrat beraliran kapitalis.¹⁷

Kesatuan Melayu Muda Merintis Nasionalisme

Dalam bentuk gerakan yang tersusun, organisasi awal yang memperlihatkan tumbuhnya idea nasionalisme Melayu adalah Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang membawa gagasan Melayu Raya iaitu satu konsep kesatuan politik yang menggabungkan Semenanjung Tanah Melayu dan juga Kepulauan Indonesia. Gagasan ini ingin memecahkan kesetiaan kenegerian yang dilihat merugikan orang Melayu. Idea ini dapat dilihat pada pengasasnya iaitu Ibrahim Yaacob. Beliau pernah menyertai persatuan negeri namun merasakan persatuan seperti itu bersifat feodal dan mendiskriminasikan mereka yang berketurunan Jawa, Sumatera, Sulawesi, dan juga mereka yang berasal dari kepulauan Indonesia lain. Mereka ini dipanggil 'anak dagang' berbeza dengan orang Melayu yang lahir di negeri Melayu yang disebut sebagai 'anak negeri'. Oleh itu, Ibrahim Yaacob telah menubuhkan KMM yang membawa gagasan penyatuan bangsa Melayu yang lebih luas meliputi kepulauan Indonesia.¹⁸ Walaubagaimanapun, KMM bukanlah persatuan politik Melayu yang pertama. Sebelumnya, pada tahun 1926, Muhamad Eunus Abdullah telah membentuk Kesatuan Melayu Singapura (KMS).¹⁹ Namun KMS tidak begitu menonjol peranannya dalam sejarah politik orang Melayu berbanding KMM.

KMM sering dinisbahkan sebagai satu gerakan kiri, namun menurut Rustam Sani gerakan ini tidak mempunyai idea-idea yang boleh dikatakan sebagai sosialis pada peringkat awal, ciri-ciri sosialis tidak jelas pada KMM.²⁰ Perkara yang sama dapat dilihat pada organisasi yang mewarisi ideologi KMM iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Menurut sarjana seperti Ahmat Adam yang membahaskan pengaruh komunis dalam PKMM, tidak semua yang dikatakan komunis itu sebenarnya berideologi komunis, ramai yang sebenarnya berfahaman nasionalis, malah sebahagian mereka adalah golongan fanatik kepada agama Islam.²¹ Mereka hanya menggunakan gerakan mereka sebagai wadah untuk menjaya aspirasi kemerdekaan mereka.

Rustam menolak hujah ahli sejarah seperti Soenarno dan Roff yang berpandangan bahawa ideologi KMM berakar dari agen komunis dari Comintern dan pemimpin Indonesia yang lari ke Tanah Melayu selepas kegagalan kudeta pada tahun 1926. Bagi Rustam, tiada hubungan yang meyakinkan dari dakwaan ini. Sebaliknya Rustam berpandangan pembentukan KMM adalah hasil modernisasi politik orang Melayu yang memperlihatkan kemunculan elit baharu yang lahir dari jalur yang tidak tradisional. Hal ini terjadi hasil meluasnya pendidikan kepada golongan rakyat. Golongan elit baharu ini lahir di luar dari strata sosial kepimpinan politik Melayu kebiasaan. Rustam berpandangan, proses modernisasi ini adalah satu proses *defendalisation*.²² Idea kebangsaan Melayu pada tahun 1930-an ini akhirnya gagal mencapai cita-citanya dalam menyatukan seluruh alam Melayu, hal ini jelas apabila Indonesia telah mengambil langkah untuk merdeka tanpa Tanah Melayu, ia juga mendapat penindasan sistematik dari pihak kolonial sehinggalah ke zaman darurat pada tahun 1948.²³

¹⁶ *Ibid.*, hlm 30-31.

¹⁷ *Ibid.*, hlm 81.

¹⁸ Cheah Boon Kheng. "The Japanese Occupation of Malaya, 1941-45: Ibrahim Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya." *Indonesia*, no. 28 (1979), hlm. 88.

¹⁹ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 34.

²⁰ *Ibid.*, hlm 5.

²¹ Ahmat Adam. "Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Sebuah Mimpi Nusantara." *Jebat* 28 (2001), hlm. 66.

²² Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 38-40.

²³ *Ibid.*, hlm 65.

KMM merupakan satu kesatuan yang memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah kesedaran kebangsaan orang Melayu. Peranan mereka paling jelas boleh dilihat dalam kerjasamanya dengan Jepun bagi mengusir penjajahan British. Namun janji Jepun dalam memberi kemerdekaan kepada orang Melayu semasa pemerintahan mereka tidak ditunaikan. Pada zaman Jepun, persatuan-persatuan negeri menghadapi zaman kegelapan, namun bagi orang Melayu, ia menandakan zaman kesedaran politik yang baharu. KMM mendapat suntikan gerakan radikalnya hasil dari ahli-ahlinya yang berpendidikan, terutamanya dari lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan juga pengaruh tokoh politik dari Indonesia.²⁴

Persuratan Sebagai Wadah Nasionalisme Melayu

Selain dari akhbar-akhbar Melayu yang dapat dilihat menampakkan unsur nasionalisme Melayu, kemunculan nasionalisme Melayu juga boleh ditelusuri dari berkembangnya aktiviti persuratan dalam badan-badan bahasa dan sastera. Badan-badan ini menurut Rustam, bukan sahaja bersifat persuratan, tetapi ia mempunyai peranan dalam proses kebangkitan dan perkembangan sosial orang Melayu. Malah boleh dikatakan, badan-badan ini mempunyai peranan politik secara langsung.²⁵ Antara badan yang menonjol dalam hal ini adalah Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Badan persuratan dan sastera ini tidak dapat lari dari aspek pendidikan dalam kalangan orang Melayu. Pihak Inggeris menurut Rustam menjalankan dua jenis pendidikan. Pertama adalah pendidikan sekular Inggeris bagi membentuk satu lapisan bangsawan yang akan diangkat menjadi pentadbir. Kedua adalah pendidikan vernakular, iaitu didikan sekular dalam bahasa Melayu bagi membentuk masyarakat petani di desa yang boleh membaca.²⁶ Sistem pendidikan ini telah melahirkan sastera Melayu moden. Antara kesannya yang jelas adalah munculnya golongan intelektual yang menjadi guru di sekolah-sekolah Melayu. Mereka bukan sahaja menjadi guru di desa, tetapi memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa, sastera, dan politik orang Melayu.²⁷

Nasionalisme Melayu Yang Gagal

Menurut Rustam, projek nasionalisme Melayu ini akhirnya merupakan satu projek yang gagal. Beliau mengukur kegagalan ini dengan gerakan-gerakan nasionalisme di kawasan geografi lain yang berjaya menubuhkan sebuah negara berasaskan satu bangsa. Nasionalisme Melayu, jika diukur dari ukuran ini, dikatakan gagal kerana akhirnya ia tidak berjaya menubuhkan sebuah negara Melayu.²⁸ Hari ini kita melihat dunia semakin menjadi lebih global, penglobalan dunia ini telah membuka banyak padang-padang persaingan antara bangsa-bangsa. Malah bangsa-bangsa dunia kini bercampur aduk, bersaing antara satu sama lain dalam padang yang rata, yang tidak lagi dikongkong oleh sempadan-sempadan tradisional sebelum ini.²⁹ Namun dalam latar dunia global seperti ini, Rustam menjangkakan bahawa nasionalisme sebagai sebuah ideologi tidak akan melemah sebaliknya ia semakin mengukuh.³⁰ Saya kira telahan Rustam ini ada benarnya, kerana jika kita meninjau lanskap politik sedia ada, kebanyakannya masih memperkatakan tentang persoalan *identity politics*.

Apabila sudah terbentuk negara-negara baharu pada zaman pasca-kolonial, impian asal golongan nasionalis Melayu bagi membentuk sebuah negara Melayu menjadi sudah tidak lagi realistik.³¹ Apa yang ada di masa hadapan adalah kebersamaan orang Melayu dalam masyarakat global di bawah payung nasionalisme

²⁴ *Ibid.*, hlm 36-37.

²⁵ *Ibid.*, hlm 41.

²⁶ *Ibid.*, hlm 43-44.

²⁷ *Ibid.*, hlm 46.

²⁸ *Ibid.*, hlm x.

²⁹ Rujuk tulisan Thomas L. Friedman bagaimana penglobalan dunia membuka persaingan besar-besaran antara bangsa di dunia. Beliau menyatakan fenomena ini sebagai keadaan dunia yang sudah rata di mana sempadan-sempadan negara tidak lagi dapat membendung persaingan di peringkat global. Rujuk tulisan Thomas Friedman. *The World Is Flat: A Brief History of the Twenty-First Century* (USA: Picador, 2007).

³⁰ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm xi.

³¹ *Ibid.*, hlm 130.

Malaysia. Realiti ini perlu diterima, oleh itu pembentukan nasionalisme orang Melayu kini harus berubah kepada pembentukan nasionalisme yang lebih besar iaitu nasionalisme Malaysia.

Dari Kebangsaan Melayu Kepada Kebangsaan Malaysia

Ada pandangan dari sarjana yang mengatakan bahawa semangat kebangsaan atau nasionalisme menjadi tidak relevan pasca keruntuhan Kesatuan Soviet. Bagi mereka nasionalisme sudah tidak lagi relevan di era moden yang sudah global. Namun pandangan seperti ini tidak kukuh. Menurut Rustam, selepas berpecahnya blok Soviet, pembentukan negara-negara masih berdasarkan ikatan negara-bangsa, yakni berasaskan semangat nasionalisme. Walaupun mungkin asas ideologi, wilayah, dan sejarah ditanggapi dengan cara yang berlainan.³² Walaupun teknologi dan juga kemudahan bertambah canggih, Rustam berhujah bahawa manusia yang akan membentuk satu kesatuan sosial itu tetap manusia yang sama. Mereka mempunyai sikap rasional yang sama.

Menurut Rustam lagi, perasaan yang dipunyai manusia seperti kesetiaan, kebanggaan kepada komuniti, perasaan ingin melibatkan diri dalam organisasi masyarakat, ini semua merupakan perasaan yang menjadi fitrah manusia yang tidak dapat dibuang. Ia akan terus menjadi asas kepada pembentukan perkumpulan politik. Walaupun sesebuah negara itu dikatakan maju dan moden, rakyatnya tetap merupakan manusia, bukannya robot. Disebabkan itu, beliau berpandangan, seiring dengan kemajuan teknologi dan industri, nasionalisme akan terus mencorak sistem politik dunia.³³

Rustam mengkritik persoalan pembangunan bangsa yang menjadi fokus di Malaysia kerana ia lebih tertumpu kepada pembangunan ekonomi. Ini dapat dilihat dari keghairahan masyarakat dalam menengahkan aspek pengagihan ekonomi yang berasaskan angka, kuantum dan peratus. Sebaliknya apa yang perlu diperhalusi adalah bagaimana mahu mengubah 'kepelbagaian yang memisahkan' yang merupakan warisan dari sejarah kolonial untuk membentuk satu kesatuan bangsa yang dapat mengharungi cabaran dunia moden.³⁴ Selain keghairahan untuk merebut kek ekonomi, pelbagai isu kebangsaan dibiarkan tidak diselesaikan, hal ini termasuklah isu-isu seperti bahasa kebangsaan, budaya kebangsaan, dan juga pendidikan kebangsaan.³⁵ Persoalan-persoalan ini dianggap sensitif dan tidak disentuh dengan berani, hasilnya adalah penerusan sistem kolonial yang memecahkan masyarakat dalam sistem-sistem yang berbeza. Hal ini paling ketara dalam isu pendidikan kebangsaan dan pendidikan vernakular.

Pemeriksaan bahasa Melayu menurut Rustam hendaklah dibuat dengan bersungguh-sungguh. Bukan sekadar menjadi satu simbolik atau alat administratif. Tetapi seharusnya martabatnya diangkat hingga menjadi satu bahasa yang moden dan digunakan secara meluas sebagai satu bahasa ilmu. Budaya kebangsaan pula menurut Rustam harus menjadi satu budaya yang boleh memberi satu keperibadian yang unik dan tersendiri, satu budaya yang moden dan boleh dilihat sebagai satu budaya yang tersendiri dalam komuniti masyarakat global yang moden.³⁶ Dalam mendirikan identiti bangsa, Rustam mengajak masyarakat untuk melakukan tiga perkara. Pertama adalah perenungan yang mendalam, kedua adalah dengan memulakan polimik yang sihat, dan yang terakhir adalah melalui diskusi.³⁷ Cadangan ini saya kira amat berguna dalam mencambahkan idea. Aspek perenungan misalnya, sememangnya penting dalam kita memahami sesuatu secara mendalam, aspek ini semakin terhakis hari ini dengan wujudnya pelbagai media sosial yang menyajikan kandungan-kandungan singkat dan separuh masak.³⁸ Aspek polemik dan diskusi juga saya kira satu aspek yang penting dalam penghasilan makna, aspek ini pada pandangan saya merupakan aspek yang

³² *Ibid.*, hlm 59.

³³ *Ibid.*, hlm 60.

³⁴ *Ibid.*, hlm 62.

³⁵ *Ibid.*, hlm 66.

³⁶ *Ibid.*, hlm 72-73.

³⁷ *Ibid.*, hlm 74.

³⁸ Aspek perenungan ini ada saya bincangkan dengan lebih lanjut dalam penulisan saya perihal zine *renung, dialetika jalanan*. Perbincangan ini boleh dirujuk dalam kertas penulisan yang bertajuk "Renung: Metodologi Fikir Dalam Pencarian Makna", *The Independent Insight*, 2023.

sangat kuno dan boleh ditelusuri dari metodologi dialog dan argumentasi yang dipelopori oleh ahli falsafah seperti Socrates.³⁹

Dasar Ekonomi Baru (DEB): Sentimen Abstrak Atau Ekonomi Material?

Bagi Rustam, dalam membina nasionalisme Malaysia, apa yang perlu dibangunkan adalah “sentimen”. Iaitu penanaman sentimen dalam setiap rakyat yang ada bahawa mereka adalah anggota yang setia kepada negara bangsanya. Negara bangsa ini bagi Rustam mestilah mempunyai bangsa yang satu dan negara yang satu mirip seperti nasionalisme negara bangsa lain di dunia. Jika ini tidak berjaya, bagi Rustam, Malaysia akan terus menjadi “*a nation without nationalism*”.⁴⁰ Namun saya kira pemikiran seperti ini akan membentuk dua masalah lain.

Pertama, jika visi nasionalisme kita adalah untuk membentuk nasionalisme yang bersifat monolitik seperti nasionalisme lain di dunia, tidakkah ini menghilangkan keunikan yang ada dalam sejarah dan jati diri kita? Adakah kita perlu mewajibkan diri mengikut model-model nasionalisme orang lain? Yang jika tidak kita patuhi dengan penuh taat akan menjadikan nasionalisme kita satu bentuk nasionalisme yang gagal? Saya merasakan dengan menafikan sejarah kita yang sudah terbentuk sebagai satu masyarakat yang multi-kultural, ini merupakan satu projek yang menghilangkan kekayaan budaya dan legasi yang kita ada. Betul perbezaan boleh dimanipulasikan untuk menimbulkan perpecahan, namun perbezaan juga berpeluang untuk diraikan bagi membentuk satu keunikan dan kekayaan.

Kedua, saya merasakan bahawa jika segala tumpuan hanya diberikan untuk membangunkan satu sentimen yang abstrak, negara kita mungkin akan ketinggalan dari pelbagai sudut pembangunan. Rustam A. Sani seolah-olah menganjurkan kita mengutamakan pembangunan sentimen melebihi pembangunan ekonomi yang bersifat material. Saya kira penulisan Melayu moden kini ada juga yang menolak anjuran seperti ini. Contohnya penulisan Hadri Shah yang mengkritik perjuangan simbol-simbol dan juga slogan-slogan kemelayuan tetapi mengabaikan sudut kemiskinan masyarakat.⁴¹ Walaubagaimanapun, saya turut mengkritik pandangan Hadri ini. Kerana saya merasakan seolah-olah semua isu lain langsung tidak penting dan tidak wajar dibahaskan melainkan isu kemiskinan dan ekonomi.⁴² Saya merasakan perlunya kita berjalan di titik tengah, bukan memilih jalan ekstrim kiri atau kanan. Kita memerlukan kemajuan ekonomi dan pembanterasan kemiskinan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dalam masa yang sama kita perlu membangunkan kesedaran kebangsaan dan nasionalisme bagi memastikan sistem politik di negara ini kekal stabil dan dapat memayungi sektor ekonomi. Tetapi dalam masa yang sama kita juga harus memelihara aspek kepelbagaian kita yang menjadi jati diri dan keunikan kita sebagai sebuah bangsa yang berbeza dari nasionalisme bangsa lain yang bersifat mono-kultural.

Menurut pandangan Rustam lagi, walaupun DEB berjaya melahirkan satu golongan Melayu baru yang berpendidikan dan profesional, bidang-bidang ini tidak dikembangkan bagi mengukuhkan idea kebangsaan. Malah, ahli-ahli politik yang ada juga tidak mempunyai cita-cita kebangsaan yang jelas.⁴³ Memburukkan lagi keadaan, wujud golongan yang aktif menentang pemantapan elemen peribumi sebagai simbol negara, Rustam memberi contoh idea seperti ‘Malaysian Malaysia’ yang diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew yang beliau sifatkan sebagai satu ‘kekacauan visi dan sikap politik’. Dari satu sudut, golongan ini dilihat sebagai penerus kepada sistem sosial kolonial. Golongan ini disifatkan oleh Rustam sebagai satu golongan yang

³⁹ Socrates mempunyai metodologi tersendiri dalam dialog dan berhujah. Beliau biasanya memulakan hujahnya dengan bertanya tentang soalan-soalan bagi mencari makna dan definisi sesuatu perkara yang diperdebatkan. Dalam hal nasionalisme ini, dialog dan diskusi amat penting kerana untuk membentuk kesatuan kebangsaan, ia perlu melibatkan seramai mungkin kumpulan masyarakat. Bagi memahami lebih lanjut metodologi argumentasi Socrates, rujuk buku tulisan Anthony Gottlieb dan juga artikel saya yang bertajuk “Falsafah Dan Metodologi Argumentasi Socrates”. *Jejak Tarbiyah*, 2023.

⁴⁰ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 70-71.

⁴¹ Hadri Shah. *Melayu Maba Mulia*. Buku Liar, 2023.

⁴² Kritikan saya terhadap tulisan Hadri Shah boleh dirujuk di laman web *Goodreads* yang bertarikh 21 Oktober 2023. Rujuk pautan: <https://www.goodreads.com/review/show/5905791016>

⁴³ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 67.

mempunyai krisis identiti, keliru untuk memilih antara budaya asalnya yang sudah tidak dikenali, budaya kolonial yang sudah berlalu sejarahnya, dan budaya peribumi yang dianggapnya bertaraf rendah.

Dalam mengkritik DEB, Rustam juga mengkritik kelakuan ahli politik Melayu yang telah merendahkan langkah ini dari satu usaha untuk membentuk semangat kebangsaan kepada satu konsep 'bumiputrisme'. Kekeliruan visi juga menampakkan negara dipacu untuk menjadi negara industri tanpa ada usaha gigih dan tersusun untuk membentuk satu negara bangsa.⁴⁴

Cabaran Wawasan 2020 & Isu Nasionalisme Malaysia

Bermula dari tahun 1991, perdana menteri Malaysia pada ketika itu iaitu Mahathir Mohamad mula mengagaskan idea Wawasan 2020. Cita-cita wawasan ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara industri maju menjelang tahun 2020.⁴⁵ Antara cabaran yang digariskan adalah bagaimana untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu dalam menjadi sebuah negara maju. Di sini kita melihat, nasionalisme di Malaysia mula keluar dari kerangka anti-kolonial kerana situasi sejarah yang sudah berubah. Cabaran seterusnya adalah pembentukan satu semangat kebangsaan dalam konteks negara maju. Perasaan kesatuan ini menurut Rustam boleh diasaskan dari sebuah 'mitos' iaitu perasaan abstrak, misalnya, perasaan kebersamaan dalam berkongsi satu masa depan yang sama.⁴⁶

Antara cabaran yang dihadapi dalam membentuk satu kesatuan kebangsaan Malaysia adalah penolakan dari sebahagian segmen bukan bumiputera. Golongan ini menurut Rustam akan segera menolak integrasi nasional yang dianggap sebagai usaha dominasi ke atas budaya mereka. Sikap ini seolah satu kerinduan untuk kembali kepada struktur masyarakat zaman kolonial dan terjelma dalam ideologi 'Malaysian Malaysia'. Isu pemertabatan bahasa Melayu misalnya, kini menjadi isu orang Melayu sahaja, ia tidak diperjuangkan oleh segmen lain dalam masyarakat Malaysia, malah dalam kalangan orang Melayu sendiri, sokongan terhadap memartabatkan bahasa Melayu juga semakin merosot.⁴⁷ Politik Malaysia bagi Rustam masih berbentuk perkauman, dan nasionalisme Melayu masih belum dapat dilihat untuk berubah menjadi semangat yang lebih besar iaitu nasionalisme Malaysia.⁴⁸

Selain Wawasan 2020, antara konsep baharu yang muncul dalam wacana nasionalisme Malaysia adalah kemunculan gagasan 'Melayu Baru'. Gagasan ini membawa satu transformasi menyeluruh dalam kalangan orang Melayu dalam segenap bidang termasuk ekonomi, politik, dan budaya. Transformasi ini diperlukan dalam menyediakan orang Melayu bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21.⁴⁹ Idea bahawa orang Melayu perlu berubah bukanlah satu idea yang baharu, menurut Rustam, idea perubahan ini pernah digagaskan oleh individu seperti Abdullah Munsyi yang mengagumi model masyarakat penjajah British. Berbeza dengan idea Abdullah Munsyi, konsep 'Melayu Baru' kemudiannya tidak lagi berorientasikan kekaguman terhadap kolonial British, tetapi berdasarkan kerisauan orang Melayu terhadap nasib mereka dalam bidang politik dan ekonomi.⁵⁰ Keperluan untuk melahirkan orang Melayu baru turut dapat ditinjau dari penulisan sarjana lain. Syed Hussein Alatas misalnya menulis bahawa perlunya ada 'manusia Islam baharu' ketika beliau menganalisa perkembangan orang Melayu dan interaksi mereka dengan agama Islam. Manusia baharu ini menurut Alatas mestilah sanggup menerima kemajuan dan pemikiran zaman moden.⁵¹

Kesan dari DEB, orang Melayu kini sudah meneroka pelbagai bidang yang sebelum ini tidak melibatkan mereka, hasilnya terdapat satu keyakinan baharu dalam diri mereka yang menggantikan kerisauan lama. Melayu Baru menurut Rustam mempunyai budaya yang sesuai dengan zamannya, dapat bersaing tanpa

⁴⁴ *Ibid.*, hlm 68-69.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm 104.

⁴⁶ *Ibid.*, hlm 92-93.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm 96-97.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm 128.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm 101.

⁵⁰ *Ibid.*, hlm 102-103.

⁵¹ Rujuk buku tulisan Syed Hussein Alatas. *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 2015. Rujuk juga ulasan buku ini dalam tulisan Syed Ahmad Fathi. "Hubungan Orang Melayu Dengan Agama Islam Menurut Syed Hussein Alatas." *Academia Book Review*, 2021.

bantuan, juga menjadi masyarakat yang berilmu dan mempunyai intelektual yang tinggi.⁵² Dari semangat yang baharu inilah sewajarnya orang Melayu mencorakkan politik baru mereka. Mereka sewajarnya mula berfikir dan menggerakkan idea masyarakat yang bukan lagi berasaskan ketakutan, tetapi kesatuan dalam rumah yang lebih besar dan inklusif iaitu negara Malaysia.

Mengkritik Kecenderungan Politik Rustam

Buku Rustam A. Sani yang kita bahaskan ini saya kira sangat bagus dalam mengupas dengan ringkas sejarah nasionalisme Melayu. Cuma di hujung buku ini, saya merasakan ia hilang keobjektifannya. Ini boleh dilihat apabila Rustam mula memasukkan kecenderungan politiknya ke dalam perbahasannya. Sebagai contoh, beliau menyifatkan politik UMNO pada tahun 1960-an sebagai ‘masih tebal unsur feodal dan patronagenya’.⁵³ Di sini kita melihat parti yang tidak sehaluan dengan ideologi beliau diasosiasikan dengan terma-terma yang buruk. Parti yang sehaluan dengannya pula, telah dijulung sebagai parti yang baik. Misalnya, dalam membahaskan perihal Parti Keadilan Rakyat, beliau menyifatkan parti tersebut sebagai pewaris sah perjuangan rakyat dalam mencapai ‘keadilan sosial dan demokrasi’ di Malaysia.⁵⁴

Saya merasakan bahawa di sini perlu kepada satu pencerahan tentang adakah buku ini boleh dikatakan sebagai satu buku sejarah atau tidak. Kritikan terhadap buku berunsur sejarah namun ditulis oleh orang politik dengan memasukkan unsur politik telah dikritik oleh pelbagai sarjana. Contohnya Azmi Arifin yang mengkritik buku *Sejarah Rakyat* tulisan Syed Husin Ali.⁵⁵ Pada pandangan saya, buku Rustam Sani ini boleh dikatakan sebagai buku sains sosial yang mempunyai unsur sejarah. Ia bukanlah buku yang boleh dikatakan sebagai satu buku sejarah tulen. Hal ini kerana bukunya bukan memberi fokus untuk memaparkan sejarah yang telah berlaku. Sebaliknya menganalisa satu fenomena sosial iaitu nasionalisme Melayu dengan menggunakan teori-teori dari bidang sains sosial. Dalam analisisnya, unsur kecenderungan politik beliau jelas kelihatan terutamanya pada bab-bab akhir.

Kesimpulan

Nasionalisme orang Melayu sudah berubah dengan begitu ketara sejak tahun 1930-an. Permulaannya adalah dari perasaan terancam dengan kehadiran kaum imigran baharu yang mula menjadi penduduk tetap di tanah mereka. Namun selepas berlakunya proses sejarah, terutamanya selepas pengenalan DEB, orang Melayu dilihat mempunyai satu keyakinan baharu.⁵⁶ Politik kebangsaan mereka semakin meninggalkan ‘politik terancam’ sebelum ini. Usaha baharu yang perlu digerakkan adalah bagaimana untuk mentransformasikan nasionalisme Melayu kepada payung yang lebih besar iaitu nasionalisme Malaysia.

Dalam membentuk nasionalisme Malaysia ini, antara aspek yang perlu ditekankan adalah pendidikan dan bahasa. Pemisahan pendidikan mengikut jurang bahasa ditakuti akan mewujudkan perbezaan kelas dalam masyarakat dan berisiko merendahkan pendidikan dan bahasa kebangsaan.⁵⁷ Malah menurut Rustam, jiwa nasionalisme baharu orang Melayu adalah bahasa.⁵⁸ Tanpa adanya usaha untuk memartabatkan bahasa, maka bangsa Malaysia baharu yang hendak kita bina akan kucar-kacir keperibadiannya. Untuk itu, wajarlah orang Melayu dalam suasana politik baharu ini mula mencatur langkah mereka, memartabatkan bahasa dan budaya kebangsaan, dan berusaha mewujudkan semangat kebangsaan Malaysia yang lestari.

⁵² Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 104-105.

⁵³ *Ibid.*, hlm 117.

⁵⁴ *Ibid.*, hlm 128.

⁵⁵ Syed Ahmad Fathi. "Kritikan Azmi Arifin Terhadap Buku "Sejarah Rakyat" Tulisan Syed Husin Ali." *The Independent Insight*, 2022.

⁵⁶ Rustam A. Sani. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*, hlm 134.

⁵⁷ *Ibid.*, hlm 137.

⁵⁸ *Ibid.*, hlm 139.

Bibliografi

- Ahmat Adam. 2001. "Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Sebuah Mimpi Nusantara." *Jebat* 28.
- Cheah Boon Kheng. n.d. "The Japanese Occupation of Malaya, 1941-45: Ibrahim Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya." *Indonesia*, no. 28 1979.
- Friedman, Thomas L. 2007. *The World Is Flat: A Brief History of the Twenty-First Century*. Picador USA.
- Gottlieb, Anthony. 2002. *Socrates*. Phoenix.
- Hadri Shah. 2023. *Melayu Maba Mulia*. Buku Liar.
- Izzuddin Khalis, Wildan Ghazali, and Hamzah Handzalah. 2023. *renung. dialetika jalanan Edisi 1*.
- Kissinger, Henry. 2015. *World Order: Reflections on the Character of Nations and the Course of History*. Penguin Books.
- Masalha, Nur. 2020. *Palestine: A Four Thousand Year History*. Zed Books.
- Qasim Ahmad. 2000. "Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula." In *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia: Esei Sumbangsih Kepada Dr. Cheah Boon Kheng*, by Mahani Musa and Tan Liok Ee, 23-40. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rustam A. Sani. 2004. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?* Kuala Lumpur: R Publishing Services.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Falsafah Dan Metodologi Argumentasi Socrates." *Jejak Tarbiyah*.
- Syed Ahmad Fathi. 2021. "Hubungan Orang Melayu Dengan Agama Islam Menurut Syed Hussein Alatas." *Academia Book Review*.
- Syed Ahmad Fathi. 2022. "Kritikan Azmi Arifin Terhadap Buku "Sejarah Rakyat" Tulisan Syed Husin Ali." *The Independent Insight*.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Renung: Metodologi Fikir Dalam Pencarian Makna." *The Independent Insight*.
- Syed Hussein Alatas. 2015. *Kita Dengan Islam: Tumbuh Tiada Berbuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.